

Gabungan tanah Felda tingkat produktiviti

SHAH ALAM - Rancangan kerajaan untuk menggabungkan tanah peneroka Felda menjadi ladang besar dilihat bakal meningkatkan produktiviti termasuk jumlah pengeluaran tanaman.

Pakar Ekonomi daripada Fakulti Ekonomi dan Muamalat Islam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), **Profesor Dr Abdul Rahim Abdul Rahman** berkata, idea tersebut boleh direalisasikan kerana saiz tanah yang lebih besar akan tercapai *economies of scale* di mana peneroka boleh mengoptimumkan penggunaan tanah dan mengurangkan kos pengeluaran.

Beliau berkata, melalui kaedah itu peneroka juga boleh meningkatkan modal dalam bentuk kerjasama koperasi atau konsortium syarikat peneroka.

Menurutnya, dengan pengumpulan dana bersama yang lebih besar ia akan memungkinkan penggunaan teknologi pertanian yang boleh meningkatkan hasil pengeluaran jangka panjang.

Sementara itu, **Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff** daripada Putra Business School (PBS) turut senada dengan Abdul Rahim dan percaya cadangan dikemukakan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad itu boleh dilaksanakan asalkan menggunakan model perniagaan berbentuk koperasi.

Beliau berkata, konsep koperasi itu penting kerana manfaatnya akan terus pergi kepada ahlinya iaitu peneroka dan bukan kepada pemegang saham lain.

“Cadangan mempelbagaikan tanaman juga satu idea mampan kerana ia dapat kurangkan risiko kebergantungan kepada satu tanaman,” katanya.

Kelmarin, Dr Mahathir memberitahu kerajaan merancang menggabungkan tanah peneroka Felda menjadi ladang besar bagi menjana hasil lumayan menerusi pengurusan yang lebih tersusun.